



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1970 dan 1971) 1971

DR.100/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1970 dan 1971 dan bagi memper-untukkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.

I

I

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Perbekalan Tambahan (1970 dan 1971), 1971.

Tajok ringkas.

2. (1) Maka dengan ini ada-lah di-benarkan supaya wang sa-banyak tidak lebeh daripada dua juta lima ratus tiga puluh dua ribu tiga ratus lapan puluh ringgit (\$2,532,380) di-keluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan² yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1970, yang tidak di-peruntukkan atau yang tidak di-peruntukkan dengan sa-penoh-nya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1970 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama dan Kedua, 1970 yang telah di-luluskan oleh Menteri Kewangan mengikut peruntukan sekshen 3 Ordinan No. 3 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1970 oleh Akta Perbekalan Tambahan (1970), 1971.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1970.

P.U. (B) 49/70.

P.U. (B) 277/70.

P.U. (B) 72/71.

P.U. (A) 170/69.

Akta A65.

(2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntukkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama.

Peruntukan.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1971.

P.U. (B)
385/71.

P.U. (A)
170/69.

Peruntokan.

3. (1) Maka dengan ini ada-lah di-benarkan supaya wang sa-banyak tidak lebeh daripada lima puluh empat juta tujuh ratus enam puluh sembilan ribu enam puluh sembilan ringgit (\$54,769,069) di-keluarkan daripada Kumpulan wang Disatukan bagi perbelanjaan untok berbagai² perkhidmatan yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1971, yang tidak di-peruntokkan atau yang tidak di-peruntokkan dengan sa-penoh-nya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1971 yang telah di-luluskan oleh Menteri Kewangan mengikut peruntokan sekshen 3 Ordinan No. 3 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969.

(2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntokkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Sekshen 2)

Kepala No.	Tajok	Peruntokan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
B. 21	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	\$2,532,380
	Jumlah ...	\$2,532,380

JADUAL KEDUA

(Sekshen 3)

Kepala No.	Tajok	Peruntokan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
B. 1	Parlimen ...	\$ 1,107,500
B. 4	Surohanjaya Pilehanraya ...	40,975
B. 5	Surohanjaya Perkhidmatan Awam ...	387,341
B. 7	Perdana Menteri ...	200,000
B. 9	Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia ...	1,700,000
B. 15	Jabatan Tanah Persekutuan ...	267,270
B. 22	Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ...	84,851
B. 28	Kementerian Luar Negeri ...	40,000
B. 29	Perbendaharaan ...	30,051
B. 30	Perkhidmatan Am Perbendaharaan ...	750,000
B. 31	Peruntokan kepada Kumpulan Wang Terkanun ...	23,000,000
B. 32	Kastam dan Eksais Di-Raja ...	299,629
B. 34	Kementerian Kesihatan ...	15,000,000
B. 38	Jabatan Imigresen ...	71,497
B. 44	Kementerian Penerangan ...	419,729

PERBEKALAN TAMBAHAN

3

Kepala No.	Tajok	Peruntukan bagi Kepala
(1)	(2)	(3)
B. 47	Jabatan Peguam Negara	\$ 270,000
B. 50	Kementerian Buroh	10,000
B. 54	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	179,185
B. 56	Kementerian Pengangkutan	907,699
B. 57	Penerbangan Awam	37,200
B. 58	Penerbangan Awam Malaysia Timor ...	80,000
B. 60	Jabatan Laut	100,000
B. 62	Pengangkutan Jalan	531,342
B. 63	Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am	9,000,000
B. 64	Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom	254,800
	Jumlah ...	<u>\$54,769,069</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memberi kuasa berkanun supaya pembayaran tambahan tertentu di-buat untuk perkhidmatan² awam persekutuan dalam tahun 1970 dan 1971 yang melebihi perbelanjaan yang di-benarkan dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1970 dan 1971 dan Tambahan Pertama dan Kedua 1970 yang telah di-luluskan oleh Menteri Kewangan mengikut peruntukan seksyen 3 Ordinan No. 3 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969, dan Tambahan Ketiga, 1970 oleh Akta Perbekalan Tambahan (1970), 1971 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan² yang di-buat daripada Kumpulan-wang Luar-jangka sa-bagaimana di-kehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.